

*“Fasal pada menyatakan, ada-nya erti Melayu ini ada-lah ia melayukan diri-nya, iaitu yang di-ibaratkan orang dahulu kala daripada erti Melayu, ada-lah sa-umpama puchok kayu yang melayukan diri-nya dan bukan layu-nya itu kerana kena panas atau api. Bahasa-nya dengan sahaja2 ini juga yang melayukan diri-nya, ya’ani ia merendahkan diri-nya dan tiada ia mahu membesarkan diri-nya, baik daripada adab-tertib-nya atau daripada bahasa peratoran-nya atau daripada adab makan minum-nya dan perjalanan-nya dan kedudukan-nya sama ada di dalam majlis atau pada tempat yang lain.”*

(Adat-Raja-Raja Melayu, 1779)

“Pejamkan mata dan ingatkan dari mana asal-usulmu,” ujar Tuan Pendakwa raya membuka hujahnya.

Sesekali angin dingin mula menusuk ke tulang. Dewan mahkamah begitu terasa kedinginannya. Tertuduh mengesotkan punggungnya dari kerusinya. Dia sekadar tunduk mendiamkan diri setelah disusuli rasa takut yang menjalar di urat-urat darahnya.

“Ayuh, jawab soalanku. Nyatakan asal bangsamu,” bentaknya sekali lagi dengan suaranya yang garau.

“Aku orang Melayu...”

“Aneh, kamu berani mengakui dirimu sebagai anak Melayu. Wajahmu tidak sedikitpun iras-iras orang Melayu. Bicara bahasamu sungguh canggung kedengarannya.”

“Aku orang Melayu...” kata yang tertuduh mengulangi kenyataannya dengan nada yang sedikit keras.

“Bukan, kamu bukan anak Melayu.”

“Aku memang anak Melayu. Bahkan aku rasa aku lebih Melayu daripada kamu sendiri. Jangan kamu sesekali nilaikan kemelayuanku hanya dengan rupaku. Jiwa dan rohku tetap Melayu,” suaranya kali ini terketar-ketar demi mempertahankan dirinya daripada tuduhan yang melulu.”

“Kamu telah didakwa mengikut Seksyen 300 (c) Kanun Keseksaan kerana membunuh. Buat pengetahuan mahkamah, mangsa yang bergelar dengan nama BM, telah termasyhur sejak abad ke-7 masihi dalam Kerajaan Sriwijaya dan menjadi titik tolak dalam sejarah perkembangan dan kebangkitan tamadun Melayu.”

Benar-benar karut. Belum pernah dia terdengar selama hidupnya, seseorang didakwa atas tuduhan seperti itu. Untuk perbicaraan ini, dia telah memutuskan untuk membela dirinya sendiri. Nyawanya tidak ingin dijadikan barang taruhan, dia tidak sesekali mahu mempercayai sesiapaupun untuk membela dirinya. Dia terlalu gerun memikirkan bahawa Seksyen 300 (c) Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

“Yang Arif, izinkan saya serahkan foto-foto ini sebagai bahan bukti. Nampaknya, tertuduh baru saja mengakui dirinya berbangsa Melayu. Tetapi, dari raut wajahnya hinggalah kepada pakaiannya, tiada kelihatan unsur Melayu sama sekali. Tertuduh mungkin berbangsa Melayu sekadar pada nama, seperti yang tertera di dalam kad pengenalnya. Namun, dia tidak pernah mengenali budaya Melayu untuk sama sekali cuba menghormatinya.”

Buat seketika, dia terbenam dalam suasana mentalnya yang kacau. Tuan Pendakwa raya tersenyum sinis sambil mengesat cermin matanya yang berkabus. Setiap kali tertuduh hilang arah kerana tidak dapat mengawal emosinya, kerjanya bakal menjadi lebih mudah.

Pembunuh BM. Karut semua itu. Tetapi inilah hakikatnya. Dalam dunia moden, tiada sesuatu pun yang dapat dianggap mustahil. Bahkan, sesuatu yang mustahil sedikit masa dahulu telah begitu mudah diterima menjadi suatu amalan kebiasaan pada hari ini. Dia masih bingung.

“Yang Arif, izinkan saya serahkan bukti kedua, berbentuk pita rakaman A, B dan C. Ternyata jelas sekali, tertuduh tidak cenderung menggunakan BM dalam menjalankan tugas sehariannya. Pita rakaman A adalah rakaman perbualannya sebagai Ketua Pengarah di dalam mesyuarat mingguan bersama ahli-ahli jawatankuasanya. Tertuduh bukan sahaja tidak menggunakan BM bersama para ahlinya yang hampir kesemuanya berbangsa Melayu, malahan seandainya ada ahlinya yang cuba berbicara menggunakan BM, mereka akan dicelah kerana dituduh terlalu meleret-leret.

Pita rakaman B pula adalah beberapa rakaman perbualannya bersama ahli korporat dari negara asing yang menjadi klien syarikatnya. Tertuduh, fasih berbahasa Inggeris dan Jepun dan lebih kerap menggunakan kedua bahasa ini dalam urusan perniagaannya.”

“Tuan, apa salahku. Memang benar aku tidak menggunakan BM. Tetapi bahasa Inggeris itu bahasa global, bahasa perdagangan zaman ini. Apakah Tuan sudah kehabisan modal, aku tidak membunuhnya.”

“BM bukan sahaja telah mati di tanganmu. Tetapi kamu juga telah menikam mati semangat orang asing untuk mendekati, mengenali dan mencintai BM.”

“Apakah Tuan tidak pernah keluar dan menyaksikan sendiri apa yang berlaku di dunia luar. Dunia tanpa sempadan hari ini memerlukan keupayaan kita menggunakan satu bahasa dunia, dan seisi dunia telah memilih bahasa Inggeris. Bukan aku yang memilihnya. Sama ada, aku suka atau tidak menggunakan BM, itu juga tidak sesekali mencatatkan kemelayuanku.”

“BM itu milik siapa sebenarnya? Apakah kamu benar-benar ingin mempercayai bahawa BM yang kini tinggal jasad tidak bernyawa masih utuh rohnya? Seandainya itu keyakinanmu, sebaiknya kamu awetkan saja tubuhnya dan kemudian letakkannya ke dalam keranda kayu untuk dimuziumkan sekadar buat tontonan keturunan kita yang akan datang.”

Tuan pendakwa raya menunjukkan kemampuannya yang luar biasa dan terus mengungkap kata-kata seorang Sarjana Belanda Francois Valentijn yang telah pada abad ke-16 mencatatkan:

*“Bahasa mereka bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa Lingua Franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga kepulauan Filipina.”*

(Nik Safiah Karim et al.2003)

“Sejarah telah membuktikan BM mampu diangkat sebagai bahasa global. Tetapi, kamu sendiri tidak memberikannya peluang. Lihat, tangan kamu yang merah dan

berlumuran dengan darah. Kamu membunuh BM dan menguburkannya tanpa sedikitpun merasai bahawa maruahmu telah turut terkubur sama.”

“Yang Arif, biar saya lanjutkan. Pita rakaman C adalah bukti terpenting, Tertuduh, seperti diketahui umum, banyak terlibat dalam kerja kemasyarakatan. Pita rakaman C adalah rakaman perbualan tertuduh di dalam mesyuarat bersama ahli-ahli pemimpin masyarakat dalam pertubuhan seni, bahasa dan budaya Melayu. Sayangnya, di mana saja dia berada, cukup ironis sekali, tertuduh akan berbual dalam bahasa Inggeris, walaupun hal yang dibincangkan adalah merupakan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan budaya Melayu.”

“Tertuduh yang selama ini diamanahkan masyarakat untuk menjaga kepentingan mereka telah menikam dan merobek-robek jantung hati bangsanya. Lihat, betapa pisau yang berkilat di tanganmu menjadi mainan yang sangat kamu banggakan. Harapkan pagar, pagar makan padi.”

Tuan Pendakwa raya semakin yakin perbicaraan itu tidak akan berpanjangan. ‘Veni, Vidi, Vici’ (Kudatang, Kulihat, Kutawan) - itulah falsafahnya setiap kali menjejakkan kakinya ke dewan mahkamah. Kemenangan sudah terbayang saat pertama dia membuka mulutnya. Kelicikannya telah menimbulkan kegerunan di kalangan majoriti peguam bela apabila terpaksa berhadapan dengannya di mahkamah.

“Apakah kamu mengakui tentang hal-hal yang saya sampaikan berdasarkan bahan-bahan bukti yang diketengahkan?”

“Tuduhan ini sudah keterlaluan. Aku tidak suka menggunakan BM tetapi itu bukanlah satu bukti bahawa aku membunuhnya.”

Dia rela dibicarakan bukan sahaja di mahkamah dunia, bahkan juga di mahkamah akhirat.

“Runtuhlah benteng utama kemelayuan, jika BM dikeluarkan dari jiwa raga dan benak Melayu. BM itu tunjang kemelayuan dan Islam menjadi jiwa dan roh Melayu.”

“Kamu lupa mengkaji asal-usulmu. Kamu meremehkan BM. Kamu membiarkan BM menjadi bangkai yang reput dijamah kuman-kuman. Rohnya telah lama meninggalkan jasad dan kini jasadnya bakal turut ranap dan lenyap ditelan bumi.”

Dia semakin merasakan kata-katanya semakin ditenggelami dengan hujah sarat Tuan Pendakwa raya. Dirinya sendiri dilihat dari lensa hadirin dan Yang Arif sebagai bayang-bayang samar seperti lambaian dedaunan di pohon yang tumbuh di pinggir jalan.

“Hakikatnya, kini BM dilihat hanya sebagai satu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu sahaja tetapi BM tidak akan mungkin digunakan langsung jika tiada keperluan. BM sekarang sudah rosak, dicemari dan diracuni dengan unsur-unsur bahasa asing. Sesiapapun akan sukar memahami BM. Bukan aku yang membunuhnya, BM sudah lama mati dan menunggu masa sahaja untuk dikafankan,” hujahnya dengan nada yang masih belum mahu mengaku kalah.

Tuan Pendakwa raya ketawa sinis mendengar penjelasannya. Mukanya merah-padam.

”Kata-kata kamu itu ibarat orang yang tidak tahu menari tetapi menyalahkan tanah sebagai tidak rata. Kamu telah ketinggalan dalam kemajuan BM yang berkembang dengan pesatnya. Seandainya, kamu mengatakan bahawa BM telah tercemar dan rosak,

sebenarnya BM sudah tercemar sejak abad ke-7, dan pencemaran itu tidak henti-hentinya hingga sekarang.”

“Yang Arif, izinkan saya teruskan. Tikaman terakhir yang dilakukan oleh tertuduh ialah dengan menggerakkan usaha yang dinamis dan bersatu padu di seluruh tanah air dengan memperkenalkan pendidikan agama dalam bahasa Inggeris di madrasah-madarasah dan masjid-masjid. Kamu buang sama sekali pepatah; agama dijunjung, adat dipangku, moden dikelek.”

“Mengapa kamu lakukan demikian, apa alasanmu?”

“Anak-anak muda kita bertutur dalam bahasa Inggeris, bermimpi dalam bahasa Inggeris dan berangan-angan dalam bahasa Inggeris. Seandainya generasi muda dapat menghayati Islam dengan lebih baik dengan menggunakan bahasa Inggeris, mengapa ini mesti dihalang ?” ujarinya dengan cukup tenang.

”Kamu berhujah atas nama Islam. Kamu membaluti dan menghiasi hujahmu dengan kertas balutan yang indah-indah. Tetapi yang sebenarnya, kamu terlalu taksud pada nilai dan keseluruhan kebudayaan barat. Bagi kamu, bangsa dan negara tidak akan maju tanpa berteraskan kebudayaan barat termasuk bahasanya. Ulama dari luar alam Melayu, Nuruddin al-Raniri berasal daripada Gujerat, mendakwahkan Islam dengan menggunakan BM-sejarah sekali lagi membuktikan bahawa ilmu lebih berkesan disampaikan dalam bahasa umat itu sendiri.”

”Jika benar bahasa Inggeris dapat mengangkat martabat ilmu, khususnya di kalangan generasi muda, mengapa golongan yang berilmu ini semakin ketandusan akhlak dan aqidahnya?” celah Tuan Pendakwaraya itu.

Kata-kata yang diucapkan oleh Tuan Pendakwa raya dirasakannya cukup tajam dan kedengaran nyaring bergema di kepalanya, seperti suara sejuta cengkerik jantan yang saling bersahutan dari sebalik semak-samun yang dibasahi embun.

”Maaf Tuan, kamu berbicara seolah-olah kamu telah membedah dan melihat isi hatiku. Usah Tuan lupa, BM bukan Islam, dan bahasa Inggeris juga bukan Islam. Bahasa sebenarnya hanyalah sebagai perantaraan sahaja untuk menterjemahkan pesanan Allah. Bahasa Arab dipilih menjadi wadah pesanan itu kerana keluasan bahasanya dan juga keindahan sasteranya sehingga mampu membawa mesej Allah yang begitu indah dengan kata-kata yang singkat dan jelas. Kalau kamu sebentar tadi menuduhku taksud pada kebudayaan barat, kamu juga terlalu taksud pada BM. Tidak ada bahasa lain di dunia ini yang dapat membawa Islam sebaik bahasa Arab,” hujahnya bersungguh-sungguh kali ini dengan nada yang begitu meyakinkan.

Benar-benar mengecewakan, setiap pembaharuan dikecam oleh masyarakatnya sendiri. Dia berasa puas dapat meluahkan pandangannya. Hidup ini baginya harus dilakonkan seperti menyanyikan sebuah lagu. Tidak elok berhenti sebelum lagu berakhir.

Dalam keghairahan masing-masing saling berhujah, matanya tiba-tiba menjadi kabur. Kepalanya berpusing sehingga terasa hampir pitam. Dalam sekelip mata, dia tidak mampu mengawal tubuhnya, dia jatuh terkulai di dalam kandang tertuduh. Kepalanya terhantuk kayu kandang itu dan menghasilkan bunyi dentuman yang kuat. Dunia tiba-tiba menjadi terlalu gelap. Dia cuba berteriak.

Dalam keadaannya yang mabuk itu, dia terdengar alunan irama muzik gamelan, bunyinya sayup-sayup pada mulanya tetapi semakin lama semakin kuat, seolah-olah datang menghampirinya. Bau asap kemenyan menyelina masuk ke dalam hidungnya. Dalam

samar-samar, muncul sekelompok lelaki berpakaian serba hitam dan memakai topeng yang menyeramkan, menari-nari di hadapannya. Tarian mereka semakin ligat. Alunan irama muzik itu sudah hampir sampai kemuncaknya. Dia tidak sanggup menatap wajah-wajah mereka, masing-masing dengan topeng-topeng yang menggerunkan. Dalam keadaan separuh sedar seolah-olah seperti kerasukan, mereka mengutip serpihan kaca yang bertaburan di atas lantai, memasukkan ke dalam mulutnya, mengutipnya lalu memakannya. Jiwa mereka seperti terlepas daripada badan dan digantikan dengan makhluk lain. Mereka terus menari mengikuti irama.

Salah seorang lelaki itu berjalan terpincang-pincang mendekatinya dengan sebuah topeng di tangan. Ketika alunan irama semakin pantas dan sampai kemuncaknya, lelaki itu terus menerpa ke arahnya dan ingin menangkap mukanya dengan topeng itu.

"Pergi, pergi dari sini. Aku bukan munafik."

Topeng itu dicampaknya. Teriakannya tidak dapat didengar sesiapaupun. Peluh jatuh menitis, mengalir deras membasahi mukanya.

Dia berusaha menjerit sekali lagi sehingga timbul urat-urat tegang di lehernya. Matanya terkatup rapat. Dia memaksa juga membuka matanya. Akhirnya, dia berjaya dan di saat itu, kedengaran namanya dipanggil.

*"Para hadirin yang dihormati, majlis dengan segala hormatnya, menjemput Yang berbahagia, Encik Safuan Abdullah, Presiden Kehormat, Persatuan Budaya dan Bahasa Melayu, untuk merasmikan majlis pelancaran bulan bahasa yang berslogankan, Bahasa kita, gunakanlah."*

Dia mengesat dahinya sambil matanya mengerling ke arah kanan dan kiri berkali-kali. Lututnya menggigil ketika menaiki pentas. Bibirnya terketar-ketar.